



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

Pelancaran Pasukan Kadet JPJ di 221 buah Sekolah Menengah seluruh Malaysia

Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bersama-sama Kementerian Pendidikan Malaysia hari ini melancarkan Penubuhan Pasukan Kadet JPJ Malaysia.

Pelancaran pada hari ini dibuat secara serentak di 221 buah sekolah menengah di seluruh negara dengan sokongan dan kerjasama yang penuh daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri. Sehubungan itu, JPJ ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia di atas usahasama yang dijalinan ini.

Bagi peringkat pemulaan, pasukan Kadet JPJ telah ditubuhkan secara perintis di 17 buah sekolah bermula pada Januari 2015 yang melibatkan sebuah sekolah di setiap negeri dan wilayah persekutuan kecuali di negeri Pahang yang melibatkan 2 buah sekolah.

Seterusnya, pada tahun 2016, Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan penubuhan Pasukan Kadet JPJ di 204 buah sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di seluruh negara dan menjadikan Pasukan Kadet JPJ sebagai salah satu program kokurikulum di sekolah.

Bagi melaksanakan program ini, JPJ dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah bekerjasama dalam membangunkan kurikulum latihan Kadet JPJ Malaysia bagi pelajar-pelajar yang menyertai pasukan kadet ini. Kurikulum latihan yang dibangunkan ini memberi fokus kepada empat prinsip

utama iaitu berhubung dengan keselamatan jalan raya, kesukarelaan, perpaduan dan semangat patriotisme.

Pengisian yang dibuat dalam setiap aktiviti yang dijalankan adalah berhubung dengan kepentingan keselamatan jalan raya serta pendedahan terhadap undang-undang dan peraturan jalan raya. Pendedahan ini diharap dapat membantu pelajar menjadi pengguna jalan raya yang lebih berdisiplin dan berhemah serta mampu menjadi *role model* kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan oleh pasukan perintis Kadet JPJ adalah semasa kempen keselamatan jalan raya pada musim perayaan. Ahli-ahli pasukan Kadet JPJ dijadikan sebagai *role model* JPJ dalam menyampaikan pendidikan keselamatan jalan raya kepada pelajar-pelajar lain di sekolah. Selain itu, dalam membentuk sahsiah diri dan jati diri pelajar, ahli-ahli kadet juga diberi latihan kawad semasa aktiviti kokurikulum dijalankan di sekolah.

Penubuhan Pasukan Kadet JPJ yang dilancarkan ini diharapkan dapat melahirkan '*self regulatory*' kepada pelajar terhadap undang-undang dan keselamatan jalan raya. Disamping itu, mereka juga diharap akan mempunyai semangat *sense of pride* dan *sense of belonging* sebagai seorang warga negara Malaysia yang bangga dan prihatin kepada masyarakat dan persekitaran.

**Jabatan Pengangkutan Jalan
Malaysia**

10 Ogos 2016

-TAMAT-